



Holista Colltech Peroleh Tempahan Ramuan Semula Jadi Dari Malaysia

Tarikh kemaskini: 22/02/2018

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Syarikat bioteknologi yang dipacu penyelidikan, Holista CollTech Ltd, akan menghantar ramuan campuran pertama mi berpaten yang mengandungi Indeks Glycemix (GI) yang lebih rendah, dari Malaysia ke Kanada pada akhir Februari.

Campuran yang dipatenkan itu mengandungi ramuan bahan semula jadi - okra (kacang bendi), lentil (tumbuhan kekacang), barli dan fenugreek (halba).

"Penghantaran seterusnya akan dibuat dari Kanada dan India, yang secara logistik dan ekonominya lebih berdaya maju."

"Ini juga merupakan tempoh percubaan untuk semua pihak yang terlibat dalam membangunkan rantaian bekalan yang diperlukan ketika perniagaan itu ditingkatkan," kata syarikat itu dalam satu kenyataan hari ini.

GI merupakan angka yang mewakili keupayaan relatif makanan karbohidrat bagi meningkatkan tahap glukosa dalam darah.

Holista CollTech ialah syarikat usaha sama antara Holista Biotech Sdn Bhd dan CollTech Australia Ltd, beribu pejabat di Perth, dengan operasi meluas di Malaysia.....